



SULTAN Ibrahim Sultan Iskandar dan Tengku Mahkota Johor, Tunku Ismail Sultan Ibrahim berkenan menerima menghadap Anwar Ibrahim di Istana Bukit Serene, Johor Bahru, semalam. - JOHOR ROYAL PRESS OFFICE

Anwar adakan lawatan ke Johor

UM-31/12/2022 ml: 3

Oleh LUQMAN HAZIQ, KHAIRUL MOHD. ALI dan FAIZAL HASHIM
utusannews@mediamulia.com.my

JOHOR BAHRU: Datuk Seri Anwar Ibrahim mengadakan lawatan kerja pertamanya ke negeri ini, semalam.

Ketibaan Perdana Menteri di Lapangan Terbang Antarabangsa Senai pada pukul 9.55 pagi disambut Menteri Besar, Datuk Onn Hafiz Ghazi.

Beliau yang juga Ahli Parlimen Tambun memulakan lawatan kerja dengan menghadap Sultan Johor, Sultan Ibrahim

Sultan Iskandar di Istana Bukit Serene, di sini.

Kenderaan jenis Audi berwarna keemasan yang dinaiki beliau memasuki pekarangan istana pada pukul 10.30 pagi.

Usai menghadap Sultan Johor kira-kira sejam, Perdana Menteri singgah di Restoran Murtabak Azo, Kampung Melayu Majidee, dekat sini untuk makan tengah hari.

Beliau meluangkan masa kira-kira 20 minit untuk menjamu selera, khususnya hidangan murtabak keju yang memang terkenal di daerah ini.

Beliau turut bertanya khabar dan beramah mesra dengan para peniaga dan orang ramai di restoran berkenaan.

Perdana Menteri kemudian menunaikan solat Jumaat di Masjid Kampung Melayu Majidee yang terletak bertentangan dengan restoran tersebut yang dirasmikannya pada 27 tahun lalu.

Anwar dilaporkan merasmikan majlis pecah tanah pembinaan masjid tersebut pada 21 April 1995 ketika beliau memegang jawatan Timbalan Perdana Menteri.

Perdana Menteri turut sempat menandatangani semula plak perasmian masjid berkenaan dan kemudian menyertai lebih 2,000 jemaah menunaikan solat Jumaat.

Selepas menunaikan solat, beliau yang juga Menteri Kewangan meluangkan masa bersalaman dengan para jemaah sebelum kembali ke ibu negara.

Ini adalah kunjungan pertama Anwar ke Johor sejak mengangkat sumpah jawatan Perdana Menteri ke-10 pada 24 November lalu.